

Dr. M minta elak perebutan kuasa selepas persaraannya

UM 29 SEP 2003

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
dan LAUPA JUNUS

SUBANG 28 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan para pemimpin UMNO supaya mengelakkan perebutan kuasa selepas persaraannya hujung bulan depan dengan berpegang kepada amalan-amalan yang baik dalam parti.

Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO memberi nasihat tersebut sebagai reaksi terhadap desas-desus bahawa akan berlaku perebutan jawatan nombor dua dalam parti itu ekoran kekosongan yang di-

tinggalkan oleh penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu bagaimanapun yakin ahli UMNO dan parti-parti komponen lain tidak akan membenarkan sebarang perlakuan yang boleh memudaratkan perikatan tersebut.

“Saya berpendapat walaupun ada dalam parti-parti komponen perebutan kuasa, akhirnya ia dapat diselesaikan dengan cara yang bijak,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini, sekembalinya dari Monaco. Sebelum itu beliau mengada-

kan lawatan ke London, Sweden dan New York.

Dr. Mahathir diminta mengulas ucapannya pada Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Kemerlangan Kongsi Kuasa BN di Stadium Merdeka minggu lalu, yang menyebut tentang perebutan kuasa.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Perdana Menteri menyeru semua ahli dan pemimpin BN agar memberi sokongan padu kepada Abdullah selaku penggantinya.

Walaupun pengganti Dr. Mahathir sudah diketahui, jawatan Timbalan Perdana Menteri masih menjadi tanda tanya.